



1.1

KONSEP KEDAULATAN

JANNAH HALIL
@icebearrawrr

Kedaulatan ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara .

01 BAHASA YUNANI

Kedaulatan ialah *supernuus* atau *superanus* yang bermaksud agung atau tinggi. Perkataan ini merujuk negara yang bebas dan merdeka

02 BAHASA INGGERIS

Dalam bahasa Inggeris, kedaulatan ialah *sovereignty* yang bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan

03 BAHASA ARAB


Perkataan kedaulatan dalam bahasa arab berasal daripada kata '*daulah*' yang bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan

04 BAHASA MELAYU

Kedaulatan merujuk perkataan *daulat* yang bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara


PANDANGAN TOKOH

@icebearawrr



Aristotle

Kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Kedaulatan merujuk kerajaan yang terikat oleh undang-undang.



Ibnu Khaldun

Kedaulatan merupakan kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya. Kekuatan semangat kekitaan yang diiringi dengan kekuatan semangat beragama menyebabkan sesuatu bangsa rela untuk berkorban demi mencapai cita-cita yang sama



Jean Bodin

Kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi dalam sesebuah negara. Kedaulatan mempunyai sifat kekal dan mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya.



Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat



Tun Dr. Mohamed Salleh Abas

Kedaulatan merupakan asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing

JENIS KEDAULATAN

Setiap negara mempunyai hak untuk menentukan bentuk dan jenis kedaulatan yang diamalkan. Terdapat 4 jenis kedaulatan iaitu kedaulatan tradisional, kedaulatan moden, kedaulatan undang-undang dan kedaulatan antarabangsa.

KEDAULATAN TRADISIONAL

- Merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak untuk menguasai segala urusan negara
- Wujud sejak tamadun awal manusia
- Kedaulatan negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu
- Kedaulatan terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja
- Raja merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi
- Kedudukan dan kedaulatan raja diperkukuh oleh taat setia rakyat



KEDAULATAN MODEN

- Dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis
- Kedaulatan juga dikaitkan dengan hak rakyat dan kerajaan perlembagaan
- Selepas perang dunia pertama, kedaulatan dikaitkan dengan nasionalisme yang menggunakan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara masing-masing



KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

- Bermaksud kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
- Kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat serta menjadikan negara aman, stabil dan makmur
- Badan kehakiman yang bebas dan berwibawa diwujudkan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang
- Kedaulatan undang-undang menjadi prinsip keempat dalam rukun negara



KEDAULATAN ANTARABANGSA

- Merujuk pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain
- Deklarasi Hubungan Persahabatan, PBB 1970 , mengesahkan prinsip persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa
- Keanggotaan negara kita dalam PBB membuktikan bahawa dunia mengiktiraf negara kita sebagai negara yang bebas, merdeka dan berdaulat

